

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

**DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong
Tebal]**

**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

Langkah-langkah spesifik yang dilakukan oleh Kementerian untuk menggalakkan generasi belia menceburkan diri dan berjaya dalam bidang pertanian moden.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Tani (MOA) telah mengambil inisiatif-inisiatif untuk menggalak lebih ramai penglibatan golongan belia dan beliawanis di dalam sektor pertanian melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang dilaksanakan sejak tahun 2004 dan Program Agropreneur Muda mulai September 2013.

Antara inisiatif – inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Melaksanakan Program Latihan Kemahiran yang bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir dan usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini. Pelajar-pelajar yang berjaya mengikuti program ini akan menerima sijil atau diploma kemahiran di samping kos pengajian, penginapan, makan dan minum, elaun sara hidup sebanyak RM200 – RM250 sebulan serta elaun Latihan Industri sebanyak RM300 sebulan yang disediakan oleh Kerajaan;

- ii. Menyediakan kursus jangka pendek serta khidmat nasihat teknikal dan kewangan kepada belia yang berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian;
- iii. Menyediakan bantuan modal 70% daripada kos projek melalui pinjaman mudah Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM50,000 (projek baru) atau sehingga RM300,000 (projek sedia ada) serta geran sehingga RM30,000;
- iv. Melaksanakan Program MyAgrosis (Kelab Usahawan Siswazah Tani) bagi pembangunan agropreneur muda di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) dengan kerjasama antara jabatan / agensi di bawah MOA dan IPTA di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang memberi latihan secara *hands-on* dalam komponen berikut:
 - a. Agroniaga : Pendedahan kepada asas Perniagaan dan peruncitan melalui projek K-Shoppe dan Kopie Satu;

b. Agroladang : Pendedahan kepada bidang pertanian melalui projek tanaman, ternakan dan akuakultur; dan

c. Agroinovasi : Pendedahan melalui komponen seperti pembungkusan, penjenamaan dan laman sesawang.